

ANALISIS APLIKASI KAEDAH-KAEDAH FIQH DALAM KERTAS KAJIAN JAWATANKUASA MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA BERKAITAN ISU PANDEMIK COVID-19: SATU SOROTAN LITERATUR

Analysis On The Application Of Islamic Legal Maxims In Research Papers Of National Council Of The Islamic Religious Affairs: A Literature Review

Ahmad Tarmizi Mahmud^{1a*}, Irwan Mohd Subri^{2bc} & Mohd Nasir Abdul Majid^{3de}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA,

Emel: ibnmahmud83@gmail.com

^bFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

^cAkademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM).

Emel: irwan@usim.edu.my

^dFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

^eAkademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM).

Email: nasirmajid08@usim.edu.my

*Corresponding Author: ibnmahmud83@gmail.com

Received: 30 January 2023

Accepted: 16 May 2023

Published: 22 May 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no2.512>

Abstrak	Abstract
<p>Kaedah-kaedah fiqh ialah prinsip fiqh umum yang menghimpunkan hukum-hukum permasalahan fiqh. Ia merupakan salah satu komponen penting dan asas sandaran ketika ijtihād dalam mengeluarkan fatwā. Mutakhir ini, pelbagai permasalahan baharu muncul ekoran daripada penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara. Aplikasi kaedah fiqh pula dilihat antara instrumen yang terbaik dalam menyelesaikan permasalahan tersebut yang kebanyakannya kompleks dan keterbatasan nas syarak mengenainya. Terdapat beberapa pandangan hukum telah dikeluarkan oleh pihak berautoriti agama namun sebahagiannya telah dipertikai dari sudut keabsahan dan kerationalnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi</p>	<p>Kaedah-kaedah Fiqh or also known as Islamic legal maxims are the principles of fiqh which are compiling the jurisprudences of fiqh issues. It is one of main components and benchmark for the process of ijtihād in producing fatwā. Presently, there are a few issues have risen up due to COVID-19 outbreak. The application of Islamic legal maxims considered among the best instrument in solving those issues meanwhile most of them are highly complexity as well as the generality of religious argument. The study attempts to examine applied Islamic legal maxims in producing fatwā relating to COVID-19 pandemic through the research papers of The National Council of the Islamic Religious Affairs. This is qualitative</p>

<p>kaedah-kaedah fiqh yang menjadi sandaran kepada pandangan hukum berkaitan pandemik COVID-19 dalam kertas kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metodologi analisis dokumen yang merangkumi kitab-kitab klasik dan kontemporari kaedah fiqh, artikel penyelidikan dan kertas kajian yang dikeluarkan oleh jawatankuasa tersebut. Dapatan kajian mendapati beberapa kesilapan dalam aplikasi kaedah fiqh dalam kertas kajian berkaitan isu pandemik COVID-19. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada JAKIM dalam mengemaskini kaedah penyelidikan hukum di peringkat kebangsaan.</p> <p>Kata kunci: Aplikasi, Fiqh, Pandemik, COVID-19</p>	<p>research using the methodology of document analysis includes classical and contemporary Islamic legal maxims books, research articles and research papers of the council. The outcome of the study discovers that there are some mistakes of Islamic legal maxims applied in the research papers of COVID-19 pandemic. The study also is expected to give value added to JAKIM in order to improve the methodology of jurisprudential research at federal level.</p> <p>Keywords: Application, Fiqh, Pandemic, COVID-19</p>
---	---

1. PENGENALAN

Kaedah-kaedah fiqh ialah prinsip fiqh umum yang menghimpunkan hukum-hukum permasalahan fiqh. Ia merupakan salah satu komponen penting dan asas sandaran ketika ijtihād dalam mengeluarkan fatwā. Kepentingan dan keperluan kaedah ini tidak dapat dinafikan sehinggakan al-Suyūṭī (1983) menukilkkan dalam kitabnya *al-Ashbāh Wa al-Nazāir*: "...Ketahuilah bahawa ilmu *al-Ashbāh Wa al-Nazāir* adalah satu ilmu yang besar. Dengannya dapat diketahui tentang hakikat-hakikat fiqh, sumber-sumber, tempat pengambilannya (*dalīl*), dan rahsia-rahsiannya. Dengannya juga seseorang dapat memahirkan diri untuk memahami dan menggunakan semula (kefahaman fiqhnya)..."

Hal ini begitu terserlah apabila kaedah-kaedah fiqh dijadikan salah satu sumber hukum yang utama dalam perbincangan isu-isu kontemporari yang tiada nas syarak terperinci mengenainya sebagai contoh dalam persoalan yang muncul ekoran daripada wabak COVID-19. Kaedah ini juga dilihat dapat membantu para ulama memberikan solusi yang mudah dan tuntas dalam menghuraikan persoalan tersebut.

1.1 Maksud Kaedah-Kaedah Fiqh

Kaedah-kaedah Fiqh dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-Qawā'id al-*

Fiqhīyyah (القواعد الفقهية). *Al-Qawā'id* merupakan perkataan jamak yang berasal daripada *qā'idah* (قاعدة). Dari sudut bahasa membawa maksud asal usul sesuatu perkara, asas binaan rumah, tunjang binaan yang menjadi sandaran kepada binaan tersebut (Ibn Manzūr, 1992). *Fiqhīyyah* pula berasal daripada perkataan *fiqh* (فقه) yang dari sudut bahasa bermaksud kefahaman dan pengetahuan (Al-Rāziyy, 1999), manakala dari sudut istilah bermaksud ilmu berkaitan dengan hukum-hukum Syariah yang dikeluarkan daripada dalil-dalilnya yang terperinci. (Al-Zarkashiyy, 1994). Apabila digabungkan, kedua-dua perkataan tersebut menjadi *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* (القواعد الفقهية).

Terdapat pelbagai definisi *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* yang dinyatakan oleh ulama silam antaranya Al-Jurjāniyy (1983) menjelaskan bahawa *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* bermaksud permasalahan *kullīyyah* (umum) yang diaplikasikan ke atas semua *juzīyyāt* (pecahan kecil). Ibn al-Hamawīyy (1985) mengatakan ia adalah prinsip majoriti (أكثرى) bukan keseluruhan (كلي) yang dipraktikkan dalam pelbagai permasalahan *fiqh* untuk difahami hukumnya. Mengikut Ibn Subkiyy (1991) pula kaedah *fiqh* ialah prinsip umum yang diaplikasikan ke atas kebanyakan permasalahan *fiqh* bagi mengetahui hukumnya. Adapun para 'ulamā' kontemporari seperti al-Zarqā' (1989) mendefinisikannya sebagai usul *fiqh* umum dalam bentuk-bentuk ringkas, bersifat perundangan yang mengandungi hukum syariat umum dalam permasalahan *fiqh* yang diletakkan di bawah satu kaedah. Mengikut al-Nadwiyy (1999) pula kaedah *fiqh* ialah hukum syarak pada kebanyakan permasalahan yang diketahui daripadanya hukum yang termasuk di bawahnya.

Antara kaedah *fiqh* yang dikenalpasti dalam perbincangan permasalahan COVID-19 ialah *الميسور لا يسقط بالمعسور* (sesuatu yang mudah tidak digugurkan dengan sesuatu yang sukar) yang diaplikasikan dalam isu penjarakan saf ketika solat, kaedah *المشقة تجلب التيسير* (kesukaran membawa kepada kemudahan) yang digunakan dalam isu prosedur SWAB Test ketika bulan Ramadhan. Pemakaian kaedah ini dilihat bertepatan dengan isu yang dibahaskan di samping meraikan keperluan semasa pada ketika itu (Muhammad Rashid, 2021).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kemunculan penyakit Coronavirus baharu atau COVID-19 bermula dengan penularan wabak misteri tersebut di bandar raya Wuhan, daerah Hubei, Cina pada Disember 2019. Organisasi Kesihatan Dunia (WHO)

kemudiannya mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik global yang telah merekodkan jangkitan melebihi 10 juta kes di seluruh dunia. Manakala di Malaysia pula, ia bermula apabila kes ini mula direkodkan dengan empat orang warga Cina yang disahkan mengalami penyakit ini pada 25 Januari 2020. (Ministry Of Health Malaysia, 2020)

Kemunculan virus COVID-19 telah merubah hampir keseluruhan lanskap kehidupan manusia yang merangkumi ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Wabak ini turut merencatkan beberapa perkara yang berkaitan ibadah umat Islam apabila tidak lagi dapat dilaksanakan dengan baik dan selesa. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merupakan badan penyelaras fatwā di peringkat kebangsaan telah membincangkan beberapa isu yang muncul daripada pandemik ini. JAKIM melalui Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam atau juga dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah MKI telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum berkaitan, namun sebahagian daripadanya telah dipertikaikan oleh sesetengah pihak apabila dilihat seolah-olah mengubah pelaksanaan sesuatu pensyariatatan.

Antara pandangan hukum yang telah dipertikaikan keabsahan dan kerationalnya ialah fatwā penutupan masjid, penangguhan solat Jumaat, menjarakkan saf solat, pengurusan jenazah COVID-19 dan sebagainya. Mengikut Mohd Kamel et al. (2021) pandemik ini turut mencetuskan persoalan hukum syarak dan kaedah pelaksanaan ibadah yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Perkara yang sama juga diulas oleh Al-Hafiz (2020) di mana isu ini sering berbangkit memandangkan perkara ini telah mengubah cara ibadat yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW bahkan ada juga yang mendakwa ini merupakan agenda Yahudi semata-mata.

Selain itu, berlaku pertikaian antara tokoh akademik mengenai aplikasi kaedah fiqh yang digunakan dalam penghujahan sesuatu fatwā atau pandangan hukum. Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh seorang tokoh akademik Asmadi bin Mohamed Naim (2020) yang telah membuat teguran di media sosial miliknya apabila didapati beberapa kaedah fiqh yang digunakan tidak bertepatan dengan realiti yang berlaku dan perkara ini juga disokong oleh seorang figura awam iaitu Ahmad Lutfi Abu Faqeh (2020). Apabila sesuatu pandangan hukum dipersoalkan, maka ia pastinya berbalik kepada pendalilan dan penghujahan yang telah dilakukan. Kesemua perkara tersebut wajar disemak lanjut agar perbahasan yang dilakukan mengikut standard penyelidikan yang betul di samping meraikan kelenturan keadaan dan realiti semasa.

Dalam Muzakarah Pakar Keberkesanan Fatwā yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Irwan bin Muhd Subri (2022) telah mencadangkan pengauditan fatwā dilakukan terhadap fatwā-fatwā bagi menilai semula pendalilan dan penghujahan yang telah dibuat dalam kertas penyelidikan. Cadangan ini telah mengundang reaksi positif oleh beberapa orang mufti dalam muzakarah tersebut dan pelaksanaan audit ini dicadangkan untuk dilakukan oleh pasukan auditor dalaman atau yang dilantik daripada luar. Pelaksanaan audit fatwā ini pastinya akan meningkatkan kualiti dan kredibiliti sesuatu fatwā sekaligus mengurangkan pertikaian masyarakat kepada institusi fatwā.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada beberapa persoalan dan kenyataan yang telah dibentangkan tadi, maka penilaian aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam kertas kajian Jawatankuasa Muzakarah MKI berkaitan permasalahan pandemik COVID-19 wajar dilakukan bagi melihat sejauhmanakah aplikasi kaedah tersebut dan ketepatan penghujahannya dalam pengeluaran pandangan hukum. Ia juga dilihat sebahagian daripada instrumen audit fatwā yang telah dicadangkan dalam menilai lanjut kaedah pendalilan dan penghujahan sesuatu fatwā atau pandangan hukum. Kegagalan dalam menggunakan kaedah yang betul pastinya mengundang kecelaruan dan pertikaian terhadap sesuatu pandangan hukum yang dikeluarkan.

Selaras dengan peranan JAKIM sebagai badan penyelarasan fatwā di peringkat kebangsaan, maka analisis terhadap pendalilan dan penghujahan dalam kertas kajian tersebut pastinya akan memberikan nilai tambah kepada proses penyelidikan hukum pada masa akan datang seterusnya dapat mengangkat kedudukan JAKIM sebagai institusi yang berautoriti dalam pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

3. METODOLOGI KAJIAN


Secara umumnya, kajian ini dilakukan dengan menggunakan kajian kepustakaan yang bersifat kualitatif. Menurut Mason (2002) kajian kualitatif digunakan secara meluas dibina atas falsafah posisi yang berbentuk interpretasi. Metode ini merupakan pendekatan induktif terhadap perkaitan teori dan praktis. Kajian berbentuk kualitatif adalah relevan bagi kajian ini kerana ia berbentuk proses mendapatkan keabsahan data berbanding hanya bergantung kepada produk kajian. Kajian kualitatif yang berteraskan kepada *grounded theory*¹ yang dibina dan dikumpul berdasarkan kepada bukti-bukti

¹ *Grounded Theory* ialah prosedur kualitatif sistematik yang digunakan untuk menghasilkan teori bagi menjelaskan tahap konseptual dengan luas, proses, tindakan atau hubungan tentang asas sesuatu topik. (Creswell & Poth, 2018)

yang telah dikumpul yang saling berkait rapat antara satu dengan yang lain diaplikasikan dalam kajian ini. Dalam menjalankan kajian ini, metodologi yang digunakan dibahagikan kepada dua iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

Dalam memperolehi data primer kajian ini, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan. Kaedah ini digunakan bagi mengumpul data yang berkaitan dengan aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam pengeluaran pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI berkaitan isu pandemik COVID-19. Maklumat ini akan dikumpul terlebih dahulu sebelum analisis dan penyaringan dilakukan. Satu set soalan yang berkaitan dengan 3 objektif kajian disediakan dan dikemukakan kepada informan. Terdapat dua kategori informan bagi mencapai keperluan kajian ini iaitu Panel Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Pegawai Penyelidik JAKIM.

Data sekunder bagi kajian ini diperoleh melalui analisis terhadap karya-karya ‘ulamā’ fiqh yang berautoriti dan penulisan-penulisan ‘ilmīyyah dalam bidang kaedah-kaedah fiqh berkaitan dan menjadikannya sebagai asas perbincangan secara kontekstual. Memandangkan kajian ini berbentuk analisis kaedah pengeluaran hukum, maka sorotan dan kajian tertumpu kepada fakta-fakta penulisan ‘ulamā’ silam dan kontemporari berkaitan dengan kaedah fiqh. Bagi mendapatkan data-data tambahan berkaitan kaedah fiqh dan pandangan hukum COVID-19 selain daripada kaedah temu bual di atas, rujukan akan dilakukan kepada buku, jurnal penyelidikan, tesis doktor falsafah dan ijazah sarjana, prosiding dan kertas kerja seminar di samping laman sesawang berkaitan. Data-data yang telah dikumpul melalui kaedah pengumpulan data di atas kemudiannya akan dianalisis menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Rangka metodologi kajian yang dicadangkan bagi kajian ini adalah sepertimana berikut:



Rajah 1: Metodologi kajian bagi penyelidikan yang dicadangkan

4. SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan kepada tinjauan awal pengkaji, terdapat banyak penulisan yang membahaskan ilmu kaedah-kaedah fiqh yang telah dihasilkan sama ada berbentuk buku, tesis, jurnal, artikel dan sebagainya. Kesemua bahan ilmiah ini boleh didapati sama ada dalam bentuk fizikal dan juga secara digital atau maya.

Setelah meneliti penulisan para fuqahā' yang terdahulu dan kontemporari, didapati kebanyakan perbincangan mengenai kaedah fiqh dibincangkan secara berasingan daripada ilmu uşūl fiqh. Namun, jika dibanding antara kedua-dua disiplin ilmu ini, maka didapati lebih ramai fuqahā' membahaskan ilmu uşūl fiqh berbanding dengan kaedah fiqh dan perkara ini dapat dilihat secara jelas menerusi banyaknya penulisan mereka dalam bidang uşūl fiqh. Namun begitu, terdapat juga beberapa penulisan yang menghimpunkan perbincangan mengenai kaedah-kaedah fiqh bersama-sama uşūl fiqh tetapi bilangannya adalah sedikit antaranya kitab *al-Mustaşfā Fī Uşūl Fiqh* oleh Imām al-Ghazāliyy (1998), dan *al-Muwāfaqāt Fī Uşūl al-Sharīah* oleh Imām al-Shāṭibiyy(1997).

Meskipun kebanyakan 'ulamā' membahaskan ilmu ini dengan nama *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah*, terdapat juga sesetengah 'ulamā' membincangkan ilmu ini dengan menggunakan nama lain seperti *al-Ashbāh Wa al-Nazāir* menerusi penulisan al-Suyūṭiyy(1983) Ibn Nujaym (1999), Ibn Mulaqqin (1996), Ibn

Subkiyy (1991), Ibn al-Wakīl (2002) manakala Imām al-Qarāfiyy (2001) membahaskannya dalam kitab yang berjudul *al-Furūq*. Terdapat sedikit perbezaan antara ulama yang mengarang kitab *al-Ashbāh Wa al-Nazāir* ini di mana al-Suyūtiyy, Ibn Subkiyy, Ibn Mulaqqin dan Ibn Wakīl merupakan seorang ‘ulamā’ yang bermazhab al-Shāfi‘iyy manakala Ibn Nujaym pula merupakan ‘ulamā’ yang bermazhab Ḥanafiyy manakala perbincangan kedua-dua buku ini adalah hampir sama dan tidak jauh perbezaannya. Kesemua buku ini dikategorikan kitab *turāth* dalam perbincangan mengenai kaedah-kaedah fiqh.

Secara umumnya, kesemua perbincangan dalam buku-buku fuqahā’ klasik tersebut berkisar tentang teori kaedah-kaedah fiqh seperti takrifan, pembahagian kaedah fiqh, keistimewaannya, perbezaan kaedah-kaedah fiqh dengan uṣūl fiqh, perbezaan antara kaedah dengan *dhābit*, sejarah kelahiran dan pembangunan ilmu kaedah-kaedah fiqh, kaedah *uṣūliyyah* yang utama, serta kaedah fiqh cabangnya.

Namun begitu, terdapat juga beberapa penulisan bidang ilmu ini yang dibuat oleh ulama terkemudian antaranya seperti kitab *Sharah al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* oleh Muṣṭafā al-Zarqā' (1989), *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah* oleh ‘Aliyy Ḥaṣan al-Nadwiyy (1994), *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Bayna al-Aṣālāh Wa al-Tawjīh* oleh Muḥammad Bakr Ismail (1996), *al-Wajīz Fī Idāh Qawā'id al-Fiqh al-Kullīyyah* oleh al-Burnū (2002) *al-Wajīz Fī Sharah al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Fī al-Sharīah Islāmīyyah* oleh Zaydān (2003) dan *Islamic Legal Maxims* oleh Azman Ismail dan Md. Habibur Rahman (2013). Kesemua buku ini merupakan sebahagian daripada buku-buku kontemporari yang membincangkan mengenai kaedah-kaedah fiqh. Perbincangan kesemua buku tersebut hampir sama di antara satu sama lain yang memfokuskan kepada definisi kaedah fiqh, kaedah *kullīyyah*, sejarah pembentukan, perbezaan kaedah fiqh dengan *ḍawābiṭ* fiqh, serta beberapa kaedah pecahan yang diletakkan di bawah kaedah utama. Selain itu, perbincangan kaedah fiqh dalam buku moden dilihat agak ringkas dan tersusun dengan contoh-contoh semasa yang diberikan. Namun, kebanyakan perbincangan di dalamnya banyak mengadaptasi kupasan yang telah dibuat oleh penulisan kitab-kitab klasik.

Selain daripada buku-buku tersebut, terdapat beberapa kajian ‘ilmīyyah dalam bentuk tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah telah dihasilkan yang menganalisis kaedah-kaedah fiqh dalam beberapa permasalahan semasa. Antaranya ialah tesis di peringkat sarjana yang dihasilkan Mohd Asri Bin Yaacob (2013) yang bertajuk “*Hubungkait Antara Konsep Iḥtiyāt Dan Kaedah Fiqh Idha Dāq Al-Amr Ittassa’ Dari Perspektif Mazhab Shāfi‘iyy Dalam Permasalahan Ibadat*” yang memfokuskan hubungkait antara konsep *iḥtiyāt* dan kaedah-

kaedah fiqh dalam beberapa isu ibadah antaranya wudhuk, solat dan ṭahārah. Hasil kajian mendapati bahawa dalam mazhab Shāfi‘iyy, kedua-dua elemen tersebut diambil kira dalam permasalahan ibadat dan perkara ini sekaligus menolak tanggapan bahawa mazhab Shāfi‘iyy adalah bersifat jumud dalam kebanyakan permasalahan ibadah.

Seterusnya penulisan terkini di peringkat sarjana telah dilakukan oleh Aqilah Abdul Aziz yang berjudul “Aplikasi Kaedah Fiqh Terhadap Fatwā Negeri Perlis” (2018) yang mengkaji aplikasi keadah tersebut daripada buku himpunan fatwā negeri Perlis. Hasil kajian mendapati bahawa tidak semua fatwā negeri Perlis mengambilkira kaedah-kaedah fiqh dalam pengeluaran sesuatu hukum dan kebanyakan fatwā yang dikeluarkan tidak menyatakan secara jelas kaedah-kaedah fiqh yang digunakan. Cadangan diberikan agar terhadap perincian kaedah-kaedah fiqh dinyatakan dalam sesebuah kajian hukum agar ia dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan kaedah ini.

Terdapat juga tesis di peringkat doktor falsafah yang membincangkan mengenai kaedah-kaedah fiqh antaranya Yaḥyā Musā Ḥamād Banī ‘Abd Allah yang bertajuk *Al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Fī Ijtimā' al-Ḥalāl Wa al-Ḥarām Wa Taṭbīqātihā al-Mu'āṣirah* (2004) merupakan perbincangan yang komprehensif tentang aplikasi kaedah fiqh dalam isu yang menyentuh antara perkara halal dan haram di samping memaparkan pelaksanaannya dalam isu-isu terkini. Kajian ini telah membentangkan beberapa aplikasi kaedah ini dalam beberapa permasalahan semasa yang merangkumi isu pemakanan, penjagaan kebersihan, perubatan, perniagaan, dan juga pelaburan. Hasil kajian mendapati bahawa sesuatu perkara yang mengandungi unsur halal dan haram, maka elemen berhati-hati (*iḥṭiyāt*) menjadi suatu kewajipan agar kita tidak terjerumus dalam perkara haram. Oleh itu, kaedah fiqh merupakan suatu elemen yang terbaik dalam mengenalpasti hukum terhadap perkara tersebut lebih-lebih lagi kebanyakan isu halal dan haram masa kini tiada nas yang jelas terhadapnya.

Irwan bin Muhd Subri (2011) pula telah menghasilkan kajian yang bertajuk “*Al-Fatāwā al-Syar‘īyyah Wa Isykalīyyah al-Thabāt Wa al-Thaghayyur*” yang membincangkan tentang situasi dan keadaan perubahan fatwā yang berlaku di Malaysia. Kajian ini bukan sahaja membincangkan dari sudut teori bahkan turut melibatkan secara amali dalam merungkaikan faktor perubahan sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan majlis fatwā yang berautoriti. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak lima fatwā telah mengalami pindaan yang merangkumi bidang akidah, ibadah dan muamalat disebabkan beberapa faktor maṣlahah, perbezaan keadaan, syarat, maklumat baharu dan perbezaan ijtihād.

Mohd Nasir bin Abdul Majid (2013) telah melakukan kajian berjudul “*Ba‘d al-Qawā‘id Wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhīyyah al-Muta‘liqqah Bi al-Aḥkām Zakāh Wa Atharuha Fī Masāilihā al-Mu‘āṣirah*” yang membahaskan tentang aplikasi kaedah dan *ḍawābiṭ* fiqh dalam beberapa permasalahan zakat di samping turut membincangkan kesannya terhadap isu-isu semasa. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua kaedah fiqh yang terpakai dalam isu zakat yang merangkumi tindakan membayar zakat sebelum *ḥawl* dan hukum membayar zakat kepada seseorang yang disyaki daripada pihak bank di samping penemuan *ḍawābiṭ* berkembang (*al-Nimā’*) dalam pensyariatan zakat.

Kesemua penulisan dan tesis yang dibentang tadi memfokuskan perbincangan kaedah-kaedah fiqh dalam bidang yang pelbagai antaranya aplikasi kaedah tersebut dalam pengeluaran fatwa dan faktor perubahannya, perbincangan isu muamalat semasa dan juga zakat.

4.1 Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Isu Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 merupakan suatu fenomena baharu yang mendapat perhatian ramai, didapati banyak artikel ringkas yang dihasilkan menyentuh mengenai aplikasi kaedah fiqh dalam mendepani situasi wabak ini. Secara umumnya, artikel yang dihasilkan boleh dibahagikan kepada dua bentuk perbincangan iaitu kategori (a) artikel yang membincangkan aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam isu pandemik COVID-19 dan kategori (b) artikel yang memfokuskan salah satu konsep umum daripada kaedah fiqh yang diaplikasikan dalam isu pandemik COVID-19.

Bagi kategori (a), terdapat banyak artikel yang memfokuskan kepada perbincangan kaedah-kaedah fiqh dalam isu pandemik COVID-19 antaranya yang dihasilkan oleh Mohd Izzuddin Mohd Noor et. al (2020), Mualimin Mochammad Sahid et. al (2020), Setiyawan Gunardi et. al (2020), Lukman Abd Mutalib et. al (2020), Anas Mohd Bhukhari & Irwan Mohd Subri (2020), Wan Zul (2021) kesemua kajian ini membincangkan tentang aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam beberapa isu yang muncul ekoran daripada pandemik COVID-19. Namun begitu, didapati perbahasan yang ditampilkan dalam semua kajian ini hanya menyentuh secara ringkas aplikasi kaedah-kaedah fiqh dalam permasalahan tersebut dan tiada sebarang perbahasan yang mendalam berkenaan kaedah tersebut dilakukan.

Dalam pembentangan Seminar Syariah dan Undang-Undang oleh Mohd Nasir & Zahari Mahad Musa (2020), dikemukakan cadangan kajian yang bertajuk “*Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Keputusan Institusi Fatwā di Malaysia*”. Kajian ini

bertujuan menjelaskan beberapa kaedah-kaedah fiqh yang menjadi sandaran kepada pandangan hukum, fatwā dan garis panduan yang diputuskan serta dikeluarkan oleh institusi kefatwaan di Malaysia. Hipotesis kajian ini mendapati bahawa kaedah-kaedah fiqh yang diaplikasikan dalam pandangan hukum, fatwa dan garis panduan di peringkat negeri adalah hampir sama dan ia mengukuhkan sesuatu pandangan hukum yang dikeluarkan di samping membantu melancarkan kefahaman umat Islam di setiap negeri terhadap pematuhan yang jitu Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Setelah diteliti kertas pembentangan ini, maka didapati ia masih lagi di peringkat kertas cadangan dan tiada sebarang kajian lanjut dilakukan.

Manakala kategori (b) pula, didapati beberapa artikel yang memfokuskan kepada salah satu konsep umum daripada kaedah-kaedah fiqh yang diaplikasi dalam isu pandemik COVID-19 antaranya yang dihasilkan oleh Lukman Abd Mutalib et.al (2020), Zulfaqar Mamat (2020), Mohd Izzuddin et. al (2021), Afnan Faiz Ridzuan et. al (2021), Jasni Sulong & Mohd Anuar (2021) dan Afnan Faiz Ridzuan et. al (2021). Perbincangan artikel-artikel ini memfokuskan secara tidak langsung aplikasi kaedah fiqh yang menghubungkan kepada perbincangan masalah dan mafsadah, aplikasi kaedah perubahan hukum dalam pembentukan hukum, konsep mengangkat kemudaratan (*raf al-darar*) dalam menangani wabak, dan konsep mengelak mudarat dalam pelaksanaan ibadah ketika perintah kawalan pergerakan (PKP). Perbincangan kajian ini terlalu umum dan ringkas serta tiada penghuraian lanjut berkenaan kaedah tersebut.

Setelah dilakukan sorotan literatur, didapati beberapa artikel dan penyelidikan telah dihasilkan sekitar permasalahan ini, namun kajian yang telah dilakukan hanya menyentuh secara umum aplikasi kaedah fiqh dalam beberapa isu yang muncul rentetan daripada pandemik COVID-19 dan tiada sebarang penilaian dan ulasan terperinci ditampilkan. Manakala kajian yang dicadangkan ini bersifat analisis yang terperinci aplikasi kaedah fiqh dalam kertas kajian Jawatankuasa Muzakarah MKI dan menilai ketepatan pemakaiannya dalam proses pengeluaran hukum. Kajian seumpama ini belum lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji dan diharapkan menjadi sebahagian sumbangan ilmiah yang mampu memperkasakan lagi kaedah penyelidikan hukum pada masa akan datang.

4.2 Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Kertas Kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Berkaitan Pandemik COVID-19

Berdasarkan kepada semakan awal pengkaji, didapati Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengeluarkan sekurang-kurangnya 16 kertas kajian berkaitan wabak ini bermula tahun 2020 hingga 2021, manakala 8 daripadanya merekodkan aplikasi kaedah fiqh. Oleh itu, kertas kajian tersebut merangkumi beberapa bidang sebagaimana berikut:

Jadual 1: Kertas Kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Berkaitan Isu Pandemik COVID-19 Yang Mengaplikasikan Kaedah Fiqh

Bil	Tajuk Kertas Kajian	Ibadah	Siyāsah Shar'īyyah	Perubatan	Tahun
1.	Panduan Hukum Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Pada Bulan Ramadan			X	2020
2.	Kedudukan Saf Solat Jemaah Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP COVID-19) Pelaksanaan Solat Jumaat Dalam Tempoh Perintah	X			2020
3.	Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 Cadangan Pindaan Garis	X			2020
4.	Panduan Solat Berjemaah di Masjid dan Surau Berkaitan Kedudukan Dalam Saf Dan Had Umur Jemaah Hukum Mengundi Pilihanraya	X			2020
5.	Bagi Pesakit COVID-19 Hukum Penggunaan Vaksin		X		2020
6.	COVID-19 Semakan Semula Pandangan		X		2020
7.	Hukum Dan Kaedah Pengurusan Jenazah Orang Islam COVID-19 Cadangan Peluasan Jemaah	X			2021
8.	Solat Fardhu Dan Solat Jumaat Dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN)	X			2021

5. PENUTUP

Kaedah fiqh merupakan komponen yang sangat penting untuk dijadikan sandaran dalam pengeluaran sesuatu hukum. Ia dilihat mampu memberikan penyelesaian yang tuntas di samping memantapkan lagi pendalilan dan penghujahan dalam pengeluaran sesuatu pandangan hukum. Berdasarkan kepada sorotan literatur yang telah dilakukan, didapati beberapa kesilapan dalam aplikasi kaedah fiqh dalam kertas kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan pandemik COVID-19. Kesilapan ini merangkumi *sighah* kaedah fiqh, ketidaktepatan kaedah fiqh yang dipilih, kaedah fiqh yang tidak direkodkan oleh mana-mana ulama dan kesilapan dalam terjemahan kaedah fiqh. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan nilai tambah kepada kualiti penyelidikan Islam dan membantu JAKIM dalam mengemaskini kaedah penyelidikan di peringkat kebangsaan.

6. RUJUKAN

- Afnan Faiz Ridzuan, Jasni Sulong, Mohd Murshidi & Ahmad Khilmy. 2021. *Kaedah Mengelak Mudarat Dalam Perlaksanaan Ibadat Khusus: Tumpuan Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. COVID-19 Daripada Perspektif Fiqh dan Usul Fiqh. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Lutfi Abu Faqeh, Facebook. <<https://www.facebook.com>>. Dilawati 25 Oktober 2022
- Al-Burnū, Muhammad Sidqiyy bin Ahmad bin Muhammad. 2002. *al-Wajīz Fī Idāh Qawā'id al-Fiqh al-Kullīyyāh*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Ghazāliyy, Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazāliyy al-Thūsiyy. 1997. *al-Muṣtaṣfā Min 'Ilm al-Uṣūl*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Hafiz Ishāk, 2021. *Pengurusan Ibadah Ketika Pandemik COVID-19*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Al-Ḥamawiyy, Aḥmad bin Muḥammad. 1985. *Ghamz 'Uyūn al-Baṣāir*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-'Ilmīyyah.
- Al-Jurjāniyy, 'Aliyy bin Muḥammad bin 'Aliyy al-Zīn Al-Sharīf. 1983. *Al-Ta'rīfāt*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-'Ilmīyyah.
- Al-Nadwiyy, 'Alī Aḥmad. 1994. *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Al-Qarāfiyy, Shihāb al-Dīn Abiyy al-'Abās Aḥmad bin Idrīs bin 'Abd al-Rahmān al-Sanhajīyy. 2001. *al-Furūq*. al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Al-Rāziyy, Muḥammad bin Abiyy Bakar bin 'Abd al-Qādir. 1999. *Mukhtār al-Ṣiḥāh*. Bayrūt: Maktabah Lubnān.
- Al-Shāṭibiyy, Abiyy Ishāk Ibrāhīm bin Mūsa bin Muḥammad al-Lakhmiyy. 1997. *al-Muwāfaqāt*. al-Mamlakah al-'Arabīyyah al-Sa'udīyyah: Dār Ibn 'Affān.
- Al-Suyūṭiyy, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin Abiyy Bakr. 1998. *al-Ashbāh Wa al-Nazāir Fī Qawā'id Wa Furū' Fiqh al-Shafi'iyyah*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-'Ilmīyyah.

- Al-Zarkashiyy, Badr al-Dīn Muḥammad bin ʿAbd Allah bin Bahhādir al-Shāfiʿiyy. 1985. *Al-Manthūr Fī al-Qawāʿid*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf al-Kuwaitiyyah.
- Al-Zarqāʾ, Aḥmad bin al-Sheikh Muḥammad. 1989. *Sharḥ al-Qawāʿid al-Fiqhīyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Anas Mohd Bukhari & Irwan Mohd Subri. 2020, *Mendepani Cabaran Pandemik COVID-19 Di Malaysia: Aplikasi Konsep Murūnah Dalam Fiqh Ibadah*. Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities). Vol. 9.
- Aqilah binti Abdul Azizi. 2018. *Aplikasi Kaedah Fiqh Terhadap Fatwa Negeri Perlis*. (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arvin bin Tajari. 2021. *Ancaman Keselamatan Bukan Tradisional dan Pandemik COVID-19*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Asmadi Mohamed Naim. "Memahami Kaedah Fiqh". Facebook. <<https://www.facebook.com>>. Dilawati 25 Oktober 2022,
- Azman Ismail & Md. Habibur Rahman. 2013. *Islamic Legal Maxims*. Cheras: Percetakan Mesbah Sdn Bhd.
- Faizatul Najihah, Mek Wok, Ariff Osman & Che Anuar bin Che Mohamad. 2021. *Pelaksanaan Maqasid Syariah Dalam Menanagani Wabak COVID-19 di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Fuad Mohamed Berawi. 2017. *Metodologi Penyelidikan Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit UUM.
- Ibn Manzūr, Abī Fadhl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram bin Manzūr al-Ifrīqiyy al-Miṣriyy al-Anṣāriyy. 1993. *Lisān al-ʿArab*. Bayrūt: Dār Sādir.
- Ibn Mulaqqin, Abī Ḥafẓ Sirāj al-Dīn ʿUmar bin ʿAliyy bin Aḥmad al-Anṣāriyy, 1996, *al- al-Ashbāh Wa al-Nazāir*. Karachi: Idārah al-Qurʿān Wa ʿUlūm Islāmīyyah.
- Ibn Nujaym, Zain al-Dīn bin Ibrāhīm. 1983. *al-Ashbāh Wa al-Nazāir*. Dimashq: Dar al-Fikr.

- Ibn Subkiyy, Tāj al-Dīn ʿAbd al-Wahab bin ʿAliyy. 1991. *al-Ashbāh Wa al-Nazāir*. Bayrūt: Dār al-Kutb al-ʿIlmīyyah.
- Ibn Wakīl, Abiyy ʿAbd Allah Muḥammad bin Makkiyy bin Abd al-Ṣamad bin al-Muraḥil, 2002, *al-Ashbāh Wa al-Nazāir*, Bayrūt: Dār al-Kutb al-ʿIlmīyyah.
- Irwan Muhd Subri (a). 2011. *Al-Fatāwa al-Sharʿīyyah Wa Isykalīyyah al-Thabāt Wa al-Thaghayur*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Irwan Muhd Subri (b). 2020. *Rukshah Solat Fardu Bagi Petugas Barisan Hadapan COVID-19*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irwan Muhd Subri (c). 2022. *Muzakarah Pakar Keberkesanan Fatwa*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Perkara 14. *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*.
- Jasni Sulong & Mohd Anuar Ramli. 2021. *Raf al-Darar Di Bawah Kuasa Pemerintah Dalam Menangani Wabak Kontemporari*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- John W. Creswell & Cheryl N. Poth. 2018. *Qualitative Inquiry & Research Design*. California: SAGE Publications. Inc.
- Lukman Abd Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Mohd Soberi Awang, Setiyawan Gunardi, Siti Fatimah Salleh, & Muhammad Hazim Ahmad. 2020. *Analisis Hubungan Masalah Dan Mafsadah Dalam Mempengaruhi Pembentukan Hukum Fiqh Pandemik Di Malaysia*. No.1. INSLA E-PROCEEDING.
- Krippendorff, Klaus. 2004. *Content Analysis: An Introduction To Its Methodology*. California: Sage.
- Mason, Jennifer. 2002. *Qualitative Researching*. California: Sage.
- Ministry Of Health Malaysia. 2020. *Malaysia Health Sector Response To COVID-19 Pandemic*. Shah Alam: Institute For Health Systems Research

- Mohamad Najib. 2021. *Pengurusan Masjid Ketika Pandemik COVID-19*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd Asri Bin Yaacob. 2013. *Hubungkait Antara Konsep Iḥṭiyāt Dan Kaedah Fiqh Idha Dāq Al-Amr Ittasa'a Dari Perspektif Mazhab Shāfi'īyy Dalam Permasalahan Ibadat*. (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Malaya.
- Mohd Huefiros Efizi, Nor Naemah, Nor Fahimah. 2021. *Aspek Al-Maṣlahah Al-ʿĀmmah Terhadap Operasi Presmis Perniagaan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, Muhammad Firdaus Abdul Manaff, Nursafra Mohd Zhaffar & Sirajuddin Suhaimi. *Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Penyeragaman dan Penyelarasan Fatwā di Malaysia*. 2021. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia. Vol 33(2). Hlm 269-286.
- Mohd Nasir Abdul Majid. 2013. *Ba'd al-Qawā'id Wa al-Dhawābiṭ al-Fiqhīyyah al-Muta'alliqah Bi Ahkām al-Zakah Wa Athariha Fi Masā'ilha al-Mu'āshirah*. (Tesis Doktor Falsafah). Jāmi'ah al-ʿUlūm al-Islāmīyyah al-ʿĀlamīyyah.
- Mohd Nasir Abdul Majid & Zahari Mahad Musa. 2020. *Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Keputusan Institusi Fatwa di Malaysia*. (Slide Pembentangan). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor. 2021. *Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyāsah Sharīyyah*. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol. 6(1). Hlm 53-61.
- Mohd Izzuddin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Mohd Noor, Farrah Yazmin Aziz & Badriah Nordin. 2020. *Aplikasi Qawā'id Fiqhīyyah Dalam Menghadapi COVID-19*. INSLA E-PROCEEDING.
- Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar, Ahmad Syukran Baharuddin. 2020 *Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik COVID-19*. Vol. 3. INSLA E-PROCEEDING.
- Muhammad Bakr Ismail, 1996, *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Bayna al-Asālah Wa al-Tawjīh*, al-Qāhirah: Dār al-Mannār.
- Muhammad Muiz Izhar bin Abdullah & Ahmad Muazz bin Abdullah, 2021, *Maqasid Ḥifẓ al-Nafs Dalam Pelaksanaan Kuarantin*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Muhammad Rashid bin Abdul Razak. 2021. *Ḍawābiṭ al-Fatāwā al-Mubāsharah Wa Taṭbīqātuhā Fī al-Wāqi'ī al-Mālīziyy: Dirāsah Taḥlīliyyah Taqwīmīyyah*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Setiyawan Gunardi, Lukman Abdul Mutalib, Mohd Soberi Awang, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran, Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Siti Fatimah Salleh, Muhammad Hazim Ahmad. 2020. *Konsep Dan Aplikasi Fiqh Darurat Dalam Menyelesaikan Isu-Isu Fiqh Semasa Menghadapi Penularan Pandemik COVID-19*. Vol. 3. INSLA E-PROCEEDING.
- Uthmān Shubayr. 2019. *Al-Qawā'id al-Kullīyyah Wa al-Ḍhawābiṭ al-Fiqhīyyah*. Ammān: Dār al-Nafāis.
- Wan Zul Wan Yusuff. 2021. *Kaedah Fiqah Dan Peranannya Dalam Penentuan Hukum Berkaitan Ibadah Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik COVID-19: Satu Analisis*. International Conference On Syariah & Law.
- Wan Zul Wan Yusuff. 2016. *Penetapan Hukum Berdasarkan Kaedah Fiqh Dalam Fatwa-Fatwa Vaksinasi: Kajian Perbandingan Antara Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Dengan Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Ulama Indonesia*. Seminar Fatwa Antarabangsa.
- White, M. D. & Marsh, E. E. 2006. *Content Analysis: A Flexible Methodology*. 55(1). Hlm. 22-45. Library Trends.
- Yaḥyā Mūsā Ḥamad Banī 'Abd Allah. 2004. *al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Fī Ijtimā' al-Halāl Wa al-Ḥarām Wa Taṭbīqātihā al-Mu'āṣirah*. Tesis Doktor Falsafah. University Of Jordan.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm. 2003. *al-Wajīz Fī Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhīyyah Fī al-Sharī'ah Islāmīyyah*, Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Zulfaqar Mamat. 2020. *Aplikasi Kaedah Fiqh "Lā Ḍarar Wa Lā Ḍirār" Dalam Isu COVID-19 Di Malaysia*. Vol. 3. INSLA E-PROCEEDING.

7. BIOGRAPHY

Ahmad Tarmizi bin Mahmud obtained degree from Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia in 2009 in Fiqh and Fatwa and master from Universiti Kebangsaan Malaysia in 2012 in Syariah. Currently, he is a senior officer at Research Division of Department of the Islamic Development Malaysia. His research areas include contemporary issues in Fiqh and Usul Fiqh, administration of fatwa in Malaysia and public administrative management. He has published and presented a number of research papers at several fatwa committees at state and federal level.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.